

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan rumusan daripada dapatan utama penyelidikan yang telah dijalankan dan implikasinya serta beberapa cadangan untuk kajian lanjutan.

5.2 Tujuan kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui penyalahgunaan bahan (substance abuse) di kalangan pelajar di salah sebuah kolej swasta di Subang Jaya. Soalan kajian adalah seperti berikut:

- a) Apakah faktor mendorong pelajar terlibat dalam penyalahgunaan bahan ?
- b) Apakah jenis bahan yang disalahgunakan ?
- c) Apakah perbezaan di antara jantina dengan penyalahgunaan bahan ?

- d) Apakah kesan tabiat ini terhadap keseluruhan pencapaian pelajar ?

5.3 Dapatan kajian

Kajian ini dijalankan di salah sebuah kolej swasta, di Subang Jaya . Ianya dijalankan di kalangan pelajar yang mengikuti kursus matrikulasi sahaja. Responden terdiri daripada remaja dalam lingkungan umur 18 hingga 20 tahun. Seramai 60 responden telah menjawab soal selidik kajian ini. Segala maklumat yang diberi oleh mereka telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS/ PC + studentware.

Dapatan kajian ini dirumuskan mengikut soalan kajian.

5.3.1 Faktor yang mendorong pelajar melibatkan diri dalam penyalahgunaan bahan.

Dapatan kajian menunjukkan, faktor ibubapa merupakan faktor utama mendorong pelajar untuk menyalahgunakan bahan. Faktor ibu bapa merupakan faktor utama mempengaruhi remaja untuk menyalahgunakan bahan tertentu. Sikap ibu bapa yang tidak mementingkan keperluan dan kehendak anak dan kurang mengambil berat tentang masalah remaja menyebabkan remaja mencari jalan lain untuk memenuhi kekosongan dan kesunyiannya. Sungguhpun ibu bapa peka dengan masalah anak-anak mereka

tetapi mereka tidak berusaha memberi bimbingan, dorongan dan luangkan lebih banyak masa bersama mereka.

Kajian juga membuktikan bahawa ibu bapa yang sering bergaduh , bertengkar, bercerai dan hubungan yang kurang erat secara langsung memberi kesan buruk kepada perkembangan anak mereka. Hasil kajian ini selaras dengan kajian Kasmini (1989) yang mendapati bahawa masalah kekecohan rumah tangga dan ibu bapa yang sering bergaduh meninggalkan kesan negatif kepada anak-anak. Mereka akan lebih cenderung untuk terlibat dalam gejala penyalahgunaan ini.

Kajian ini juga menyatakan tindakan ibu bapa yang meminum minuman keras, merokok dan mengambil dadah awal mempengaruhi anak-anak remaja di dalam soal minuman keras, merokok dan dadah.

Dapatkan kajian menunjukkan rakan sebaya juga merupakan salah satu faktor Penglibatan pelajar kolej swasta dalam penyalahgunaan bahan . Pada umumnya, sebahagian besar daripada remaja atau pelajar menceburkan diri di dalam penyalahgunaan ini menerusi rakan.

Penerimaan rakan sebaya adalah penting bagi remaja kerana mereka akan mendapat penghargaan, pengiktirafan dan keseronokan. Rakan sebaya

perlukan perlindungan dan sokongan moral. Maka mereka mudah terikut dengan perbuatan remaja lain.

Kebanyakan pelajar yang terlibat dalam penyalahgunaan ini adalah datang dari keluarga berada dan dari kawasan kota dan mereka mudah terlibat di dalam gejala ini. Mereka juga berpendapat dengan meminum minuman keras dan menghisap rokok , mereka akan nampak lebih matang dan bergaya.

Kebanyakan pelajar juga, melalui kajian ini melibatkan diri mereka dalam penyalahgunaan bahan adalah akibat daripada kesan psikologinya. Rokok dan minuman keras digunakan sebagai satu cara melepaskan perasaan ketika menghadapi ketegangan, keletihan dan kebosanan hidup. Pelajar perempuan juga merokok secara berterusan dengan alasan mengurangkan berat badan dan juga untuk mendapatkan taraf yang sama dengan pelajar lelaki.

Tekanan , lemah dalam mengawal emosi dan keyakinan diri yang kurang menyebabkan mereka cuba mencari jalan keluar dan akhirnya para remaja ini beranggapan mengambil minuman keras dan menghisap rokok akan melepaskan mereka dari semua penyeksaan ini.

Dapatan kajian ini juga menyatakan bahawa faktor persekitaran pembelajaran juga mempengaruhi penglibatan pelajar dalam penyalahgunaan

bahan. Masalah kesukaran memahami pengajaran guru dan penekanan terhadap akademik serta tidak minat untuk belajar menyebabkan pelajar kolej swasta melibatkan diri dalam penyalahgunaan.

Perbuatan setengah guru yang suka melabelkan pelajar sebagai lemah, telah menimbulkan perasaan kecewa di kalangan pelajar. Malah label tersebut secara psikologinya menyeksa dan mengganggu emosi pelajar, lama kelamaan perasaan ini mendorong pelajar terlibat dalam penyalahgunaan bahan .

5.3.2 Jenis bahan yang disalahgunakan

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa, kebanyakan pelajar kolej swasta menghisap rokok dan meminum minuman keras. Meminum minuman keras merupakan penyalahgunaan bahan yang paling banyak terlibat oleh pelajar . Minuman keras yang paling banyak digunakan ialah beer iaitu 83.3% diikuti alkohol 80% dan wine 70%. Beer paling banyak diminum oleh pelajar kerana ia mudah didapati , harganya berpatutan dan mampu dibeli oleh pelajar dan kandungan alkoholnya rendah. Selain meminum minuman keras , kebanyakan pelajar juga terlibat dalam penyalahgunaan bahan iaitu merokok iaitu sebanyak 65%. Pelajar kolej swasta juga terlibat dalam penyalahgunaan dadah tetapi bilangannya adalah rendah. Kebanyakan pelajar mengambil pil ecstasy iaitu sebanyak 13.3%, Marijuana 5%, LSD dan opium 1.7%.

Keseluruhannya, peratusan pelajar kolej swasta yang terlibat dalam penyalahgunaan bahan ialah sebanyak 95%.

5.3.3 Hubungan jantina dengan Penyalahgunaan bahan

Dapatan kajian juga menunjukkan pelajar lelaki lebih banyak terlibat dalam penyalahgunaan bahan. Pelajar lelaki 100% mengambil salah satu bahan tersebut. Manakala 87.5% pelajar perempuan pula terlibat dalam kegiatan ini. Kajian ini menunjukkan perbezaan signifikan di antara jantina dengan penyalahgunaan bahan. Walaupun peratusan pelajar perempuan tidak sesama dengan pelajar lelaki tetapi dapatan menunjukkan penglibatan pelajar perempuan dalam penyalahgunaan bahan terutama di kolej swasta adalah sangat tinggi. Latar belakang keluarga, kebebasan dan pengaruh dunia luar serta rakan sebaya mendorong pelajar perempuan terlibat dalam gejala ini.

5.3.4 Kesan tabiat dan pencapaian akademik pelajar

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesan tabiat penyalahgunaan bahan atas pencapaian akademik pelajar tidak dapat dihubungkaitkan dengan jelas. Dapatan kajian ini juga menunjukkan kebanyakan pelajar yang menyalahgunakan bahan memperolehi keputusan sangat baik dan memuaskan. Oleh itu, dapatan kajian ini dalam kesan tabiat terhadap

pencapaian akademik pelajar tidak signifikan. Dapatan yang diperolehi tidak signifikan, ini adalah kerana beberapa faktor seperti sampel yang digunakan untuk kajian ini adalah sedikit dan kadar penyalahgunaan bahan adalah tinggi di kalangan pelajar kolej swasta.

5.4 Implikasi dan Cadangan

Tujuan kajian ini adalah untuk memberikan satu pendedahan kepada umum, sejauh manakah seriusnya penyalahgunaan bahan (Substance Abuse) di kalangan pelajar kolej swasta. Oleh kerana, kajian ini dijalankan dalam jangka waktu yang pendek dan sampel yang digunakan pun adalah sedikit. Malah kajian ini hanya berfokus pada satu kolej sahaja maka boleh dikatakan dapatan kajian ini tidaklah seratus peratus menyeluruh. Segala data yang diperolehi pula adalah daripada pelajar bukan daripada pensyarah atau pun dari rekod pelajar. Kemungkinan besar maklumat yang diberikan oleh pelajar tidaklah begitu jitu.

5.4.1 Cadangan untuk kajian lanjutan

Di Malaysia ,kajian mengenai penyalahgunaan bahan (Substance Abuse) di kalangan pelajar terutama, di Institusi Pengajian Tinggi jarang ditemui. Maka kajian ini sedikit sebanyak akan menyumbang kepada pengetahuan dan pemerhatian orang ramai agar kajian ini akan menjadi panduan yang berguna kepada para pengkaji dan perancang polisi di masa akan datang. Lebih –lebih lagi, para pelajar yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi yang akan memasuki pasaran kerja ; jika mereka mempunyai tabiat penyalahgunaan, ia akan membantutkan prestasi kerja mereka kelak. Oleh itu, Institusi Pengajian Tinggi dan orang ramai perlu mengambil berat tentang isu ini.

Kajian dengan skop yang lebih besar perlu dijalankan agar satu gambaran menyeluruh, akan kita dapat pada masa akan datang. Kajian perbandingan terhadap penyalahgunaan bahan di kalangan pelajar adalah sangat penting terutamanya, di kalangan pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta kerana para pelajar ini merupakan aset yang sangat bernilai untuk negara kita. Pandangan dari semua pihak seperti pensyarah, ibubapa, pakar saikologi, sosiologi, kaunselor dan sebagainya turut diambil kira agar dapatan kajian yang diperolehi adalah lebih signifikan dan dimanfaat oleh semua pihak. Hasil dapatan juga akan membuka jalan kepada kita

mencorak beberapa langkah agar kadar penyalahgunaan bahan di kalangan pelajar akan dapat dikurangkan kelak .